

7.5.2021

Siaran Media
oleh DATO' IR. JASENI MAIDINSA
CEO, PBA Holdings Bhd dan PBAPP

UJIAN DAN FAKTA MENUNJUKKAN SISA DARI LOJI RAWATAN AIR DI MALAYSIA TIDAK BERBAHAYA

- **Hasil “ujian bahaya kesihatan” menunjukkan bahawa sisa biasa dari loji rawatan air (LRA) Malaysia TIDAK beracun, menghakis, karsinogenik, mudah nyala dan berbahaya kepada persekitaran akuatik.**
- **Sisa air digunakan di Jepun sebagai “bahan pengisian” untuk taman permainan kanak-kanak; dan di Belanda sebagai baja dan bahan binaan.**

PULAU PINANG, Jumaat, 7.5.2021: Sisa rawatan air (sisa air) yang dibuang dari Loji Rawatan Air Sungai Dua (LRA Sungai Dua) ke anak sungai Sungai Perai tidak berbahaya bagi manusia dan persekitaran akuatik.

Kandungan utama sisa air adalah sisa aluminium yang terhasil dari penggunaan aluminium sulfat atau polyaluminium klorida untuk proses pembekuan dalam rawatan air konvensional.

LRA Sungai Dua bukan satu-satunya LRA di Malaysia yang membuang sisa air ke sungai. Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) menganggarkan LRA di Malaysia menghasilkan sebanyak 5,500 tan metrik sisa air setiap hari.

Jadual berikut merangkumkan hasil ujian dan penemuan dari kajian yang dilakukan ke atas sisa air di Malaysia:



PBA

Perbadanan Bekalan Air
Pulau Pinang Sdn Bhd
199901001061 (475961-X)

Memenuhi segala keperluan bekalan air anda
Meeting all your water supply needs

Tahun	Organisasi	Hasil dapatan	Nota
2009	“Health Hazard Test” Malaysia Water Association (MWA)	<ul style="list-style-type: none">• Tidak beracun• Tidak menghakis• Tidak karsinogenik• Tidak mudah nyala• Tidak berbahaya kepada persekitaran akuatik	Lapor kepada Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (terdahulu) pada 2017.
2009	Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB)	Tidak menunjukkan ciri “sisa berjadual”	Kaji dan lapor tentang “Pengurusan Sisa Air di Malaysia”.
2009	PBAPP	Tidak menunjukkan ciri “sisa berjadual”	Kajian mengenai “Sifat fizikal, ciri kimia dan ketoksikan sisa air LRA Sungai Dua.”
2017	Jawatankuasa Tindakan Jurutera Air Daerah Se Malaysia (JTJAD)	<ul style="list-style-type: none">• Tidak beracun• Tidak menghakis• Tidak mudah nyala• Tidak reaktif	Lapor kepada Jabatan Alam Sekitar (JAS).

Tidak berbahaya, bukan sahaja di Malaysia

Sifat sisa air yang tidak berbahaya disokong oleh fakta berikut:

- Di Kyoto, Jepun, sisa air dikitar semula sebagai “bahan pengisian” untuk taman permainan kanak-kanak.
- Di Belanda, sisa air dikitar semula sebagai baja dan bahan binaan bangunan.
- Di Pulau Pinang, PBAPP telah memenangi anugerah kerana



PBA

Perbadanan Bekalan Air
Pulau Pinang Sdn Bhd
199901001061 (475961-X)

Memenuhi segala keperluan bekalan air anda

Meeting all your water supply needs

melengkapkan projek penyelidikan bagi menghasilkan bata dari sisa air.

- Menurut kajian bersama oleh MWA dan UTM pada tahun 2008, sisa air tidak disenaraikan sebagai “sisa berjadual” oleh pihak berkuasa pengurusan alam sekitar di Kanada, Amerika Syarikat dan United Kingdom.
- LRA Sungai Dua telah beroperasi sejak tahun 1973. Dalam tempoh 48 tahun, tiada insiden pencemaran air yang dilaporkan di Sungai Perai disebabkan oleh pembuangan sisa air.

Jika sisa air berbahaya bagi persekitaran akuatik, tidak akan ada ikan di Sungai Perai.

Pengurusan sisa air negara sedang dijalankan

Dalam jawapan parlimen kepada Ahli Parlimen Tanjong YAB Tuan Chow Kon Yeow pada bulan November 2020, Kementerian Air dan Alam Sekitar (KASA) menyatakan sisa air akhirnya akan dikawal selia oleh SPAN di bawah Akta Industri Perkhidmatan Air Negara 2006 (WSIA).

KASA menyatakan bahawa ia sedang dalam proses meminda WSIA untuk memasukkan sisa air sebagai sebahagian daripada sistem bekalan air; dan peraturannya akan mencakupi peruntukan untuk mendirikan kemudahan awam untuk merawat, mengitar semula dan/atau membuang sisa air dengan betul di Malaysia.

PBAPP bekerjasama rapat dengan KASA, SPAN dan JAS dalam menangani sisa air dan memastikan kelestarian Sungai Perai.

Terima kasih.

Dikeluarkan oleh : Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah
Unit Komunikasi Korporat
Tel : 04-200 6607
Email : syarifah@pba.com.my